

09/06/1998

Serangkum beroperasi tahun depan

KUALA LUMPUR, Isnin - Sistem Rangkaian Komputer Umno (Serangkum) yang menghubungkan komputer Umno di peringkat ibu pejabat, negeri dan bahagian akan beroperasi sepenuhnya, tahun depan.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata langkah itu boleh mengatasi masalah ahli yang tidak diterima di peringkat cawangan dan bahagian, sekali gus mengemas kini pengurusan dengan lebih cekap.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Komputer Umno berkata, Serangkum yang mengandungi 17 perisian itu mampu mengumpul segala data ahli, minit mesyuarat, kewangan dan daftar pengundi.

Menurutnya, sekurang-kurangnya tiga pekerja di peringkat negeri dan bahagian akan dilatih menggunakan sistem baru berkenaan.

"Bagaimanapun, kita menetapkan tahap akses komputer bergantung kepada kedudukan ahli di peringkat kebangsaan, negeri dan bahagian. Di peringkat bahagian hanya beberapa perkara sahaja dibenarkan akses.

"Kita yakin sistem ini akan memperkemas lagi pengurusan Umno, selain membolehkan setiap data dikemas kini secepat mungkin," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan taklimat tertutup kepada semua setiausaha badan perhubungan Umno negeri, ketua penerangan negeri dan setiausaha kerja Umno negeri di sini, hari ini.

Pada majlis itu, Najib turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian Serangkum di antara Umno yang diwakili Setiausaha Agungnya, Datuk Sabbaruddin Chik dan Syarikat Aliran Permata Sdn Bhd yang diwakili pengarah urusannya, Md Taib Mat.

Aliran Permata yang mendapat kontrak bernilai RM9.5 juta itu akan membekalkan 225 komputer di peringkat negeri, 112 mesin pencetak dan 175 perkakasan lain.

Najib berkata, pelaksanaan Serangkum dibuat kerana diarahkan oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno yang mahu rangkaian komputer Umno boleh menyambungkan semua peringkat.

Menurutnya, tahap keselamatan sistem komputer berkenaan juga sudah diuji dan juga dapat menjamin kerahsiaan parti.

"Umno juga mahu menjadi pendahulu dalam bidang teknologi maklumat, sekali gus menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Koridor Raya Multimedia (MSC)," katanya.

Sementara itu, Sabbaruddin berkata 1,910 perwakilan akan menghadiri Perhimpunan Agung Umno selama empat hari bermula 17 Jun depan.

"Jawatankuasa Pengurusan Umno mencadangkan supaya dua usul saja dibahaskan iaitu usul ucapan presiden dan ekonomi," katanya.

Perbahasan kali ini dibenarkan selama setengah jam manakala pembentang usul dan penyokong di antara 10 hingga 15 minit.

(END)